

Pokok Jagung dan Pokok Kacang Panjang


Faris membantu ayahnya berkebun di belakang rumah. Faris dan ayahnya menanam pokok jagung dan tomato. Pokok jagung mempunyai batang yang tegak dan tinggi. Buahnya berwarna kuning apabila masak. Jagung boleh direbus atau dibakar untuk dimakan. Pokok ini memerlukan cahaya matahari dan air yang mencukupi.

Seterusnya, Faris menanam pokok kacang panjang. Pokok ini menjalar pada buluh pancang. Buahnya panjang dan berwarna hijau. Kacang panjang dimasak sebagai sayur. Pokok ini juga memerlukan cahaya matahari dan air yang mencukupi.

Faris berasa gembira kerana hasil tanaman itu dapat dimakan oleh keluarganya. Lebihan hasil tanaman pula akan dijual kepada jiran-jirannya.



Pokok Jagung



Kedua-duanya memerlukan




Hasil tanaman boleh



Sesuai dijadikan



Pokok Kacang Panjang



Menghasilkan



Boleh